

KSN NASIHAT PENJAWAT AWAM TIDAK CEMAR IMEJ PERKHIDMATAN AWAM

Bernama

21/7/2015 KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa menasihatkan penjawat awam agar tidak melibatkan diri dalam perbuatan yang boleh mencemarkan imej perkhidmatan awam dan menjejaskan ketenteraman negara. Sebaliknya beliau berkata mereka harus memberikan tumpuan dan komitmen dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat selaras dengan Agenda Transformasi Nasional, dan tidak melibatkan diri dalam perbuatan atau aktiviti seumpama itu.

Dalam satu kenyataan Ali berkata beliau mengambil maklum dan memandang serius terhadap beberapa perkembangan semasa dalam negara yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara. "Ini termasuk laporan berikutan siasatan pihak polis Thailand bahawa ada pihak tertentu dalam negara bersama anasir luar yang terbabit dalam konspirasi terhadap kepimpinan negara untuk mengganggu-gugat proses demokrasi negara. "Perkara ini boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara serta merupakan tindakan khianat terhadap negara," kata beliau. -- BERNAMA